



**Versi 01 • Tempoh: 20 – 25 Disember 2021**

## Ringkasan

Lebih 19,000 keluarga dilanda musibah banjir teruk yang melanda 8 negeri di Malaysia. Hujan lebat sejak Jumaat, 17 Disember telah menyebabkan air sungai melimpah dan menenggelamkan banyak kawasan tempat tinggal, menyebabkan kerosakan rumah, sekolah, rumah ibadah, jalan serta kemudahan dan infrastruktur perkhidmatan penting seperti air, makanan dan kesihatan.

MERCY Malaysia telah menggerakkan pasukan tindak balas bencana untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa bencana. Banjir di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia ini telah menyebabkan puluhan ribu orang kehilangan tempat tinggal, menambah kesengsaraan negara yang masih berhadapan dengan wabak COVID-19.

Antara tumpuan utama MERCY Malaysia pada ketika ini ialah penyediaan makanan siap dimasak, air minuman dan kit kebersihan diri kepada komuniti yang terjejas di Lembah Klang. Usaha menyelamatkan dan pengagihan bantuan sedang dijalankan di banyak tempat lain termasuk Shah Alam, Kelang, Hulu Selangor dan Sepang, serta di negeri Pahang dan Melaka.

Walaupun fenomena banjir akhir tahun di sekitar pantai timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sering dianggap perkara yang sering terulang saban tahun, situasi di Lembah Klang merupakan sesuatu yang diluar jangkaan semua pihak. Jumlah rasmi penduduk yang hilang tempat tinggal masih belum dapat disahkan, kerana masih terdapat ramai mangsa yang masih belum diselamatkan dari rumah mereka dan masih tinggal di pusat perlindungan sementara (PPS).

Perak merupakan negeri terbaharu yang dilanda banjir pada hari Ahad, manakala keadaan bertambah buruk di enam negeri lain, menyebabkan sekurang-kurangnya 71,000 orang dipindahkan ke pusat pemindahan. Banjir itu telah meragut 27 nyawa – 20 di Selangor, dan 7 di Pahang.

# PELAN TINDAK BALAS DAN PEMULIHAN BANJIR 2021

## Situasi semasa



Jumlah negeri: **7**



Jumlah mangsa: **65,128**



Jumlah keluarga: **17,936**




PPS dibuka: **433**



Kematian: **27**

Keperluan dana  
**RM 5,000,000**



## Pelan tindak balas awal

### Makanan siap dimakan

1. Bekalan makanan berkhasiat sangat diperlukan mangsa yang tinggal di pusat pemindahan. Ini termasuk makanan sedia dimakan seperti biskut, power bar dan makanan dalam tin kerana orang ramai tidak mempunyai sebarang peralatan memasak untuk menyediakan makanan.
2. Bagi keluarga yang telah dan sedang mengalami kesan sosio-ekonomi akibat COVID-19, bencana ini membawa cabaran baru kepada mangsa untuk mendapatkan makanan berkhasiat, khususnya untuk kanak-kanak dan pesakit.

### Air, sanitasi dan kebersihan (WASH)

1. Kesan banjir ketika ini mengakibatkan 60,000 orang tidak dapat mengakses sumber air bersih dan selamat. Kemudahan air bersih, sanitasi dan kebersihan di 442 pusat pemindahan juga sangat terhad.
2. Infrastruktur bekalan air telah dengan rosak teruk. Kekurangan air dan tandas yang berfungsi menyukarkan penjagaan kebersihan diri, terutamanya di kalangan wanita dan kanak-kanak.

### Sokongan perkhidmatan kesihatan

1. Kapasiti perkhidmatan kesihatan adalah terhad, menghadkan akses kanak-kanak dan keluarga kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dan meningkatkan risiko wabak penyakit, termasuk penyakit bawaan air.
2. Pelan tindak balas MERCY Malaysia termasuk penyediaan ubat dan perkhidmatan kesihatan, dengan fokus perhatian kepada hipertensi, diabetes, asma bronkial dan pesakit penyakit tidak berjangkit (NCD) kronik yang lain.
3. Perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui penubuhan klinik bergerak untuk menyokong Kementerian Kesihatan (KKM) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di pusat pemindahan untuk saringan COVID-19, pemeriksaan perubatan dan penyediaan ubat

### Pembersihan dan baik pulih

1. Kit baik pulih rumah akan diberikan kepada isi rumah yang mengalami kerosakan rumah di kawasan terjejas.
2. Menggerakkan sukarelawan untuk aktiviti pembersihan rumah dan sekolah yang terjejas akibat banjir.

### Sokongan pembelajaran dan kapasiti daya tahan

1. Persediaan keluarga dan kanak-kanak untuk menyambung semula sesi persekolahan pada Januari 2022 terganggu akibat banjir. Barangan asas kembali ke sekolah seperti beg sekolah, kasut, stokin dan alat tulis kini menjadi keperluan penting komuniti yang terjejas akibat banjir.

### Sokongan logistik dan operasi

1. MERCY Malaysia memerlukan sokongan untuk menggerakkan pasukannya. Pasukan ini termasuk pasukan perubatan, pasukan pengagihan bantuan dan pasukan teknikal.


## Keperluan kemanusiaan



Makanan siap dimakan  
RM 500,000



Air, sanitasi dan kebersihan (WASH)  
RM 500,000



Sokongan perkhidmatan kesihatan  
RM 500,000



Pembersihan dan baik pulih  
RM 3,000,000



Sokongan pembelajaran dan kapasiti daya tahan  
RM 300,000



Sokongan logistik dan operasi  
RM 200,000

### Hubungi:

**Said Alhudzari**

Pengurus Besar, Operasi Program  
[saidalhudzari@mercy.org.my](mailto:saidalhudzari@mercy.org.my)

**Visan Chan**, Kerua Operasi  
[visan@mercy.org.my](mailto:visan@mercy.org.my)

**Azizah Nasir**, Jabatan Pengumpulan Dana  
[azizah@mercy.org.my](mailto:azizah@mercy.org.my)

**Amrul Hazarin**, Pembiayaan Sosial Islam  
[amrul@mercy.org.my](mailto:amrul@mercy.org.my)